

PEREMPUAN, WANITA, DAN :
SUATU KAJIAN HUBUNGAN LEKSIKAL
BERDASARKAN KORPUS

Rusli Abdul Ghani dan Salmah Jabbar

Dewan Bahasa dan Pustaka

Perempuan, wanita, dan ...

Suatu Kajian Hubungan Leksikal

Berdasarkan Korpus¹

Rusli Abdul Ghani dan Salmah Jabbar
Dewan Bahasa dan Pustaka

*Sampai sekarang, o perempuan malang,
hukum hidup manusia buas memanjang.*
[Usman Awang 1958]

1.0 PENGENALAN

Idea asal untuk meneliti perkataan `perempuan' dan `wanita' ini tercetus sewaktu kami terlibat menyusun *Kamus Dewan* Edisi Ketiga (akan terbit), ringkasnya KD3, kerana kami secara intuisi merasakan bahawa perkataan tersebut, meskipun dari segi olahannya dalam *Kamus Dewan* dianggap sama, namun dari segi penggunaannya tidak sentiasa demikian. Gerak naluri itu tidak kami terjemahkan kepada bentuk penyelidikan yang lebih ilmiah sehinggalah timbul kesempatan (atau arahan?) untuk menulis kertas kerja bagi Seminar Perkamusan Melayu ini.

Pada masa yang sama, suatu sistem pangkalan data korpus (versi 1.2.1)² telah berjaya dibangunkan pada pelantar UNIX dan dipasang pada stesen kerja di Jabatan Bahasa. Ini memudahkan kerja-kerja pemprosesan bahasa tabii dan memungkinkan pengkajian awal data korpus yang sudah terakam dalam bentuk terbaca komputer. Gandingan kesempatan seminar dan tersedianya sistem pangkalan data korpus membolehkan kertas kerja ini dipersiapkan seadanya.

¹ Korpus di sini bermaksud kumpulan teks yang dikodkan ke dalam pangkalan data untuk membolehkan pemprosesan komputeran dilakukan.

² Sistem ini dibangunkan dalam rangka projek pengkomputeran bahasa, berlandaskan Memorandum Persefahaman Antara DBP-USM yang dimeterai pada 27 Oktober 1993.

Dalam KD3 perkataan atau leksem³ `perempuan' dan `wanita' diolah seperti yang berikut:

- perempuan** 1. wanita, lwn laki-laki: ~ *itu isteri dia; raja ~ permaisuri; penyakit ~ penyakit sifilis;*
 2. isteri: ~*nya orang Minangkabau;*
 ~ *gatal* perempuan yg suka akan laki-laki; ~ *jahat* = ~ *jalang* pelacur; ~ *joget* perempuan penari joget; ~ *jungkat* perempuan gatal; ~ *simpanan* perempuan yg dijadikan teman utk tujuan seks tanpa ikatan perkahwinan yg sah;
- wanita** bh orang perempuan, lwn lelaki: *fikirannya tertumpu kpd ~ genit sahaja; kaum ~ kaum ibu, kaum puteri;*

[*Kamus Dewan* Ed Ke-3: s.v. perempuan, wanita]

Takrif **perempuan** dalam KD3 tidak jauh bezanya daripada takrif dalam *Kamus Dewan* (1970), ringkasnya KD70. Yang berubah hanyalah ejaan, dan yang ditambah ialah frasa *perempuan simpanan*. Takrif **wanita** pula tidak berubah langsung (kecuali perubahan ejaan).

Berdasarkan takrif di atas, kedua-dua perkataan tersebut dianggap bersinonim, dan kedua-duanya berantonim dengan laki-laki (lelaki); cuma pada entri **wanita** ada label bh (bahasa halus), yakni `wanita' dianggap lebih santun daripada `perempuan'. Benarkah ini semua?

Untuk mencuba mencari jawapannya, dalam konteks makna, takrif, dan hubungan leksikal, kami mengandalkan korpus, konkordans, dan kolokasi (meminjam aliterasi Sinclair⁴ sebagai alat bantu untuk mencerap fenomena penggunaan bahasa. Di samping

³ Palmer (1981:34) dan Jackson (1988: 8) secara longgar mentakrif leksem sebagai perkataan yang dijadikan kata masukan utama dalam kamus. Dalam konteks ini, kami juga menggunakan leksem dengan maksud yang serupa.

⁴ Sinclair 1991. *Corpus, Concordance, Collocation*.

itu, kami juga merujuk kamus-kamus yang sedia ada dan memperguna intuisi kami sebagai penutur asli bahasa Melayu. Ketiga-tiga kaedah ini merupakan sumber penting bukti leksikografik (Sinclair 1991:37).

2.0 ASPEK TEORETIS:

BEBERAPA PERTIMBANGAN UMUM

Ogden dan Richards (1985: 186-187) mampu membicarakan sebanyak 16 takrif tentang makna. Bagaimanapun, dalam leksikografi, makna sesuatu leksem boleh diperikan berdasarkan:

- a. rujukan atau denotasinya;
- b. hubungan leksem itu dengan leksem-leksem lain.

Hubungan antara leksem disebut hubungan leksikal (*lexical relations*), atau hubungan erti (*sense relations*).

Dalam kertas kerja ini kami akan memberi tumpuan pada dua jenis hubungan leksikal, iaitu sinonimi dan antonimi, yang berlaku antara leksem-leksem yang dikaji.

Bagi banyak leksem, denotasinya agak sukar diungkapkan dengan perkataan. Oleh itu, editor kamus sering kali terpaksa menggunakan beberapa kaedah lain, yang utama ialah pemanfaatan hubungan leksikal ini untuk membuat takrif. Namun, kaedah ini ada jerangkapnya. Bahaya yang ketara ialah kecenderungan untuk berlaku kelingkaran takrif: yakni, leksem A ditakrif dengan B, dan B ditakrif dengan A (cf. Landau 1989: 124-129). Hal ini dibincangkan oleh Asmah Haji Omar (1987: 6-7) sehubungan dengan lema *besar*, *kanan*, dan *kiri* yang terdapat dalam *Kamus Dewan* edisi 1970 dan 1984.

2.1 Sinonimi

Sinonimi⁵ berkait dengan kesamaan makna. Ini bererti bahawa lebih daripada satu perkataan mempunyai makna yang sama. Bagaimanapun, menurut Hurford (1983:102) “*Examples of perfect synonymy are hard to find*”. Oleh itu, dalam ayat-ayat yang berikut:

Bininya orang Kelantan;

Isterinya orang Kelantan;

Orang tino dia orang Kelantan;

Orang rumahnya orang Kelantan;

Perempuannya orang Kelantan;

leksem *isteri*, *orang (orghe) tino*, *orang rumah*, dan *perempuan* mempunyai erti yang sama, waima penggunaan masing-masing berbeza dari segi gaya dan juga dari segi formal tidaknya situasi ujaran itu. Oleh itu, makna sesuatu leksem atau perkataan itu hanya dapat ditampilkan dalam konteks situasi dan konteks linguistik: “*Two words are synonyms if they can be used interchangeably in all sentence contexts*” (Jackson 1988: 65).

Soalnya sekarang, bolehkah ‘perempuan’ ditukargantikan dengan ‘wanita’ dalam semua situasi, lalu mengukuhkan dakwaan bahawa kedua-duanya itu bersinonimi?

⁵ Istilah terbitan Yunani (sunonumon) yang secara harfiah bermaksud ‘sama + nama’

2.2 Antonimi

Antonimi⁶ berkait dengan keberlawanan makna. Ada tiga jenis antonimi (diubahsuai daripada Lyons 1977:279)⁷, iaitu;

- a. antonimi peringkatan (*gradable*) – antonimi yang tidak merujuk nilai mutlak, tetapi merujuk nilai yang boleh dibanding-bandingkan: Sebagai contoh,

kecil – besar (agak kecil, agak besar; sangat kecil, sangat besar)

tinggi - rendah

- b. antonimi komplementari – antonimi dengan satu leksem menafikan yang satu lagi; Jika *tidak X* bermakna Y. Misalnya,

hidup – mati (jika *tidak hidup*, bermakna *mati*)

jantan – betina (jika *tidak jantan*, bermakna *betina*)

Bagaimanapun, perbezaan antara (a) dan (b) bukanlah sesuatu yang mutlak kerana terdapat kekaburan pada sempadan masing-masing.

- c. antonimi akas (*converse* atau *relational*) – antonimi dengan satu leksem merujuk pada hubungan salingan yang dimaksudkan oleh yang satu lagi:

Sebagai contoh,

suami – isteri ('dia suami saya', dengan sendirinya bermaksud

'saya isteri dia');

⁶ Istimlah terbitan Yunani (antonumia) yang secara harfiah bermaksud 'berlawanan + nama'.

⁷ Lyons membezakannya kepada empat jenis: yang keempat berkait dengan arah, sebagai contoh: atas-bawah.

Kalau 'perempuan' lawannya 'lelaki', dan 'wanita' lawannya 'lelaki', *ipso facto* 'perempuan' sama dengan 'wanita'. Betul?

3.0 METODOLOGI

Kajian ini memanfaatkan data korpus teks bahasa Melayu yang berpangkalan di Jabatan Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka. Pembinaan data dan penyenggaraan pangkalan data dilaksanakan oleh DBP manakala sistem korpus dan sistem analisis teks dibangunkan bersama dengan khidmat kepakaran perkomputeran Universiti Sains Malaysia.

3.1 Tipologi Korpus⁸

Korpus yang ada dalam pangkalan data DBP terdiri daripada teks pelbagai bidang, genre, dan peringkat sasaran pembaca. Kebanyakan teks berupa karya asli, tetapi teks terjemahan dan teks ubahsuaian (daripada bahasa Indonesia) ada juga dimasukkan. Untuk perincian, *sila rujuk* jadual atribut teks pada Lampiran I.

3.2 Saiz Korpus

Korpus teks yang dapat dikumpulkan oleh DBP setakat ini berjumlah sekitar 13 juta perkataan. Bagaimanapun, kerana kendala masa dan upaya, hanya sekitar 3 juta perkataan dapat diinputkan ke dalam sistem korpus untuk dianalisis. Saiz ini sebenarnya relatif kecil kalau kita menjeling-jeling korpus yang ada di COBUILD⁹, di Longman, dan dalam Bank of English, masing-masing kini melewati ratusan juta perkataan.

⁸ Untuk perincian kriteria dan reka bentuk korpus, lihat sebagai contoh Summers (1993), Renouf (1987), dan Sinclair (1991).

⁹ COLLINS Birmingham University International Language Database.

3.3 Pemprosesan Data

Untuk tujuan kajian ini sistem hanya diarahkan untuk mendapatkan baris konkordans daripada teks dalam kategori karya asli dengan peringkat pembaca umum dewasa. Keputusan ini dibuat berdasarkan dua pertimbangan heuristik. Pertama, teks terjemahan dan teks ubahsuaian tidak mencerminkan penggunaan sebenar perkataan yang dikaji dalam bahasa Melayu. Kedua, peringkat umum dewasa mewakili kelompok pengguna yang sesuai untuk kajian seperti ini. Peringkat pengajian tinggi terikat dengan laras bidang, manakala peringkat kanak-kanak terhad dari segi perbendaharaan kata.

Baris-baris konkordans¹⁰ dikeluarkan berdasarkan kata kunci dalam konteks atau KWIC (*keyword-in-context*). Kata kunci ini juga disebut kata tengah atau nod. Perkataan yang dikaji (kata nod) disusun di tengah-tengah, dengan empat perkataan di kiri dan empat di kanan, seperti yang berikut:

- | | | | | | |
|---|-----------------------------|--------------------------|-----------------------------|-----------------------------|--------|
| 1 | ermakna. | Kau Mariati, | perempuan | yang telah bertaubat pada T | B28004 |
| 2 | laki tidak bisa mengalahkan | perempuan . | Dia lebih jinak dikuasai | | B28004 |
| 3 | . | Dia lebih jinak dikuasai | perempuan . | Tapi yang merosak dan mel | B28004 |
| 4 | yang merosak dan melemahkan | perempuan | ialah perempuan itu sendiri | | B28004 |
| 5 | melemahkan perempuan ialah | perempuan | itu sendiri,' dan `Bertakwa | | B28004 |

Rentang (*span*) empat perkataan ke kiri dan empat ke kanan merupakan kekangan paparan bukannya batas sistem. Sistem boleh memperagakan lebih banyak perkataan

¹⁰ penghargaan : Penghasilan baris konkordans dilakukan dengan bantuan Tan Swee Hong (Unit Terjemahan Melalui Komputer, USM) dan Mohd. Zulkifli Bahari (Jabatan Bahasa, DBP).

pada paparan yang lebih besar, malah, jika perlu, sistem boleh mempamerkan ayat, perenggan, atau pun keseluruhan wacana.

Pada baris-baris konkordans di atas, **perempuan** ialah nod (atau kata kunci), angka di sebelah kiri ialah nombor rujukan baris, manakala jujukan abjad angka di sebelah kanan merupakan kod rujukan teks korpus. Justeru pada contoh di atas, kelima-lima baris konkordans itu adalah daripada sumber teks yang sama (B28004).

Untuk tujuan kajian, tiga kata kunci dipilih, iaitu, *perempuan*, *wanita*, dan *lelaki* (*laki-laki*). Bagi ketiga-tiga perkataan tersebut, dua set data diperoleh. Yang satu diisih mengikut abjad berdasarkan perkataan di kiri yang paling hampir dengan nod, dan yang satu lagi berdasarkan perkataan di sebelah kanan. Sebahagian daripada data tersebut terdapat pada Lampiran II, III, dan IV.

3.4 Hasil Pemprosesan

Dapatan pemprosesan adalah seperti yang berikut;

Kata Kunci	Bilangan Baris Konkordans	Bilangan Rekod
perempuan	719	49
wanita	320	53
lelaki/laki-laki	852	63

Secara kasar, kekerapan `perempuan' lebih tinggi daripada `wanita'. Kekerapan `lelaki/laki-laki' kelihatan lebih tinggi kerana penggelintarannya dibuat melalui kata

kunci `laki' untuk sekali gus memperoleh baris konkordans bagi `lelaki' dan `laki-laki'. Kaedah ini juga menyebabkan `laki' yang membawa maksud `suami' turut tersenarai. Oleh sebab, lelaki atau laki-laki bukan merupakan soalan pokok kertas ini, maka kehadiran `laki' dapat dimaafkan demi kepraktisan pemprosesan.

4.0 PEMERIAN DATA DAN PERBINCANGAN

Buat permulaan, baris konkordans setiap kata kunci diperhatikan untuk mengesan pola-pola tertentu, terutama ko-teks dan kolokasi.

Ko-teks ditakrifkan sebagai: “*The co-text of a selected word or phrase consists of the other words on either side of it*” (Sinclair 1991:172) dan kolokasi ialah “*the occurrence of two or more words within a short space of each other in a text*” (Sinclair 1991:170). Jarak yang biasa ialah empat perkataan di kiri kanan kata kunci. Kolokasi itu akan terserlah dan menarik apabila pola yang berulang dapat diperhatikan atau apabila pola yang tidak terduga diperlihatkan oleh konkordans.

4.1 Pemerian

Untuk tujuan kajian hanya ko-teks dan kolokasi yang kekerapannya 5 ke atas sahaja disenaraikan.

A. Ko-teks dan Kolokasi Sebelah Kiri

	perempuan	wanita	lelaki/laki-laki
adik	5	-	(2)
anak	45	-	40
artis	-	(2)	6
budak	10	-	15
kalangan	-	5	-
kaum	13	15	12

lelaki	5	-	-
lelaki dan	27	(3)	-
manusia	(3)	-	18
melihat	6	(1)	(2)
orang	27	8	38
pengantin	8	-	16
sa-orang/seorang	76	34	85
suara	9	(1)	6

B. Ko-teks dan Kolokasi Sebelah Kanan

perempuan	wanita	lelaki/laki-laki	
13	5	5	muda
25	2	23	tua
6	6	-	cantik
10	-	13	lain

4.2 Perbincangan

Sebelum membincangkan dapatan korpus, elok kiranya kita melihat dahulu apa yang dirakamkan oleh kamus berkenaan tiga perkataan yang dikaji:

4.2.1 Data Kamus

A. Kamus Dewan Edisi Ketiga (Akan Terbit)

wanita bh orang perempuan, lwn lelaki: *fikirannya tertumpu kpd ~ genit sahaja*; *kaum* ~ kaum ibu, kaum puteri;

perempuan 1. wanita, lwn laki-laki: ~ *itu isteri dia*; raja ~ permaisuri; *penyakit* ~ penyakit sifilis;
2. isteri: ~ *nya orang Minangkabau*; ~ *gatal* perempuan yg suka akan laki-laki; ~ *jahat* = ~ jalang pelacur; ~ *joget* perempuan penari joget; ~ *jungkat* perempuan gatal; ~ *simpanan* perempuan yg dijadikan teman utk tujuan seks tanpa ikatan perkahwinan yg sah;

laki I ... laki-laki, lelaki 1. jantan (lebih halus), lwn perempuan: *ia gadis yg tidak mempunyai sebarang teman ~*; 2. ki berani, keberanian, pemberani: *hatinya memang ~, patah sayap bertongkatkan paruh, namun kehendak diteruskan juga*;

B. Kamus Pelajar Bahasa Malaysia (1987) (ringkasnya KP)

perempuan 1 jenis manusia sbg pasangan kpd lelaki; jenis manusia yg umumnya akan atau dapat melahirkan anak; *Anaknya tiga orang, iaitu dua orang lelaki dan seorang ~*. 2. teman hidup bagi lelaki; isteri: *~ nya orang Pahang./*

wanita orang perempuan (lebih halus); lw lelaki: *kaum ~* golongan orang perempuan.

laki ... laki-laki, lelaki 1 jenis manusia sbg pasangan kpd perempuan: *anak ~*. 2 sifat keberanian: *Dia hendak menunjukkan ~ nya kpd kita....*

C. Kamus Besar Bahasa Indonesia Edisi Pertama (1988)

(ringkasnya KBBI-1)

perempuan n 1 wanita: -- *yg membukakan pintu itu istrinya*; 2 bini: --*nya yang mengandung*; ...

wanita n perempuan dewasa: *kaum -, kaum putri (dewasa)*;

- **karier** wanita yg berkecimpung di kegiatan profesi (usaha, perkantoran, dsb);

laki ... laki-laki (lelaki) 1. pria (untuk manusia); jantan (untuk hewan): *kawan-kawan sekelasku terdiri atas 20 orang ~ dan 10 orang perempuan*; 2 *ki pemberani*; keberanian: *ia bertindak sbg —*;

D. Kamus Besar Bahasa Indonesia Edisi Kedua (1991)

(ringkasnya KBBI-2)

perempuan *n* **1** orang (manusia) yg mempunyai puki, dapat menstruasi, hamil, melahirkan anak, dan menyusui; wanita: 2 istri; bini: --*nya sedang hamil*; 3 betina (khusus untuk hewan);

...

-- **geladak** pelacur; -- **jahat 1** perempuan nakal yg buruk kelakuannya (suka menipu dsb); 2 perempuan nakal; -- **jalan** pelacur; -- **jalang 1** perempuan yg nakal dan liar yg suka melacurkan diri; 2 pelacur; wanita tuna susila; -- **jangak** perempuan cabul (buruk kelakuannya); -- **lacur** pelacur, wanita tuna susila; -- **lecah** pelacur; -- **nakal** perempuan (wanita) tuna susila; pelacur; sundal;

wanita *n* perempuan dewasa: *kaum -*, kaum putri (dewasa);

- **karier** wanita yg berkecimpung dl kegiatan profesi (usaha, perkantoran, dsb);

laki ... laki-laki (lelaki) 1. pria (untuk manusia); jantan (untuk hewan): *kawan-kawan sekelasku terdiri atas 20 orang – 10 orang perempuan*; 2 *ki* pemberani; keberanian: *ia bertindak sbg —*;

Yang tercatat di atas merupakan sebahagian daripada persepsi ahli perkamusian tentang perempuan, wanita, dan laki-laki/lelaki.

KBBI-1 dan KBBI-2 menganggap `wanita' itu perempuan dewasa, dan tidak pula disebut lawannya lelaki. Dalam hal ini, KBBI tidak menganggap wanita itu bersinonim dengan `perempuan'. Malah perempuan boleh dianggap sebagai superodinat bagi wanita. Hubungan leksikal yang digunakan di sini ialah hubungan hiponimi. KD3 pula mengolah kedua-dua perkataan ini sebagai bersinonim dengan `wanita' dilabelkan sebagai bahasa halus.

4.2.2 Data Korpus

Berdasarkan analisis konkordans, kami dapat mengelompokkan bukti-bukti korpus seperti yang berikut:

A. Kelompok Orang yang Relatif Muda

	perempuan	wanita	lelaki/laki-laki
adik	+	-	+
anak	+	-	+
budak	+	-	+

Kolokasi yang kuat antara `perempuan' dengan `adik', `anak', dan `budak' mencadangkan bahawa `perempuan' itu lebih umum sifatnya manakala wilayah penggunaan `wanita' lebih terhad. Dalam hal ini `perempuan' tidak boleh disinonimkan dengan `wanita' kerana tiadanya komponen makna kanak-kanak pada `wanita'.

	dewasa	kanak-kanak
perempuan	√	√
wanita	√	×

Apabila, diselidik ketimbang lelaki, ternyata lebih cocok perempuan dikatakan berlawanan dengan lelaki, manakala wanita berlawanan dengan `lelaki dewasa'.

B. Kelompok Golongan

	perempuan	wanita	lelaki/laki-laki
kalangan	-	+	-
kaum	+	+	+
manusia	+	-	+
orang	+	-	+

Dalam kelompok kolokasi ini, manusia wanita tidak terdapat dalam korpus, manakala orang wanita wujud, tetapi sebenarnya dalam bentuk penjodoh bilangan 'dua orang + wanita' bukan 'orang + wanita'.

C. Kelompok Kerja/Kegiatan

Pada mulanya, kolokasi yang jelas tidak kelihatan bagi pekerjaan tertentu, tetapi apabila dikelompokkan, muncul suatu pola yang menarik. Perhatikan;

	perempuan	wanita	lelaki/laki-laki
artis	-	+	+
dukun	-	+	-
juruhebah	+	-	-
jurutaip	-	+	+
kerani	-	+	-

kerani	-	+	-
murid	+	-	+
pejuang	-	+	-
pekerja	-	+	-
pelajar	-	+	+
pelakon	-	+	-
pelayan	-	+	-
pemain gitar	-	+	+
penari	+	+	+
penjaja	-	+	-
penulis	-	+	-
penyanyi	-	+	-
pesilat	+	-	-
posmen	-	+	-
senator	-	+	+

Ternyata bahawa profesyen dan kegiatan nampaknya lebih kerap dikaitkan dengan `wanita'. Ini mencadangkan bahawa `wanita' lebih kerap digunakan untuk situasi yang lebih formal.

Begitu juga dengan kolokasi di bawah:

	perempuan	wanita	lelaki/laki-laki
aksesori	-	+	-

kasut	-	+	-
beg tangan kulit	-	+	-
pakaian	-	+	-
tas tangan	+	+	-
tempat mekap	+	-	-

Untuk membentuk frasa nama yang formal (khususnya dalam penamaan benda) perkataan yang lazim diambil ialah `wanita'. Ini sekali lagi mengukuhkan hujah bahawa `wanita' lebih formal daripada `perempuan'. Dalam hal ini, kami perhatikan `Kedai Jahit Pakaian Wanita' sudah menggantikan `Kedai Jahit Perempuan'.

5.0 KESIMPULAN

Idea sinonimi yang dikemukakan oleh Hurford (ibid.) dan Jackson (ibid.) merupakan sinonimi tegas (*strict synonymy*) yang jarang-jarang kedapatan kerana dua sebab. Pertama ialah ekonomi bahasa yang tidak menerima kehadiran dua perkataan untuk satu makna. Sebab kedua menyangkut perubahan sejarawi yang terjadi sebagai akibat yang pertama. Jika terdapat dua perkataan untuk maksud yang sama, dua gejala bahasa dapat diperhatikan berlangsung. Pertama, salah satu perkataan itu akan mengalami perubahan makna, sama ada penyempitan atau peluasan, dan kedua, salah satu daripada perkataan itu tidak lagi dipakai, lalu lama-kelamaan dianggap usang.

Oleh itu, kami berpendapat bahawa `perempuan' dan `wanita' tidak bersinonim dalam erti yang tegas, kerana masing-masing ada domain-domain penggunaannya yang tertentu mengikut konteks dan situasi linguistik. Hanya dalam kes sinonimi `longgar' kita boleh menerima `perempuan' sebagai sama dengan `wanita'.

Apa yang kami bentangkan ini merupakan kajian peringkat awal untuk menilai keberkesanan analisis korpus dalam menangani persoalan perkamusan khususnya, dan persoalan bahasa amnya. Korpus yang ada sekarang terlalu kecil untuk menghasilkan kenyataan atau rumus bahasa yang konklusif dan 100% tahan gugat. Hasrat kami sekadar ingin menjelajah kemungkinan dan potensi yang ada dalam alam linguistik perkomputeran.

RUJUKAN

- Amdun Husain et al 1987. *Kamus Pelajar Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar 1987. *Perkamusan Melayu: Satu Penilaian*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Universiti Malaya.
- Hurford, J.R. 1983. *Semantics: A Coursebook*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Jackson, H. 1988. *Words and Their Meaning*. London and New York: Longman.
- Kamus Besar Bahasa Indonesia Edisi Pertama* 1988. Jakarta: Balai Pustaka.
- Kamus Besar Bahasa Indonesia Edisi Kedua* 1991. Jakarta: Balai Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga (Akan Terbit)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Landau, S.I. 1989 (1984). *Dictionaries: the art and craft of lexicography*. Cambridge: Cambridge University Press (Charles Scribner's Sons).
- Lyons, J. 1977. *Semantics* (2 jilid). Cambridge: Cambridge University Press.
- Ogden, C.K. & Richards, I.A. 1985 (1923). *The Meaning of Meaning: A study of language upon thought and the science of symbolism*. London: ARK.
- Palmer, F.R. 1981. *Semantics* Second Edition. Cambridge: Cambridge University Press.
- Renouf, A. 1987. 'Corpus Development', dalam Sinclair, J. (ed) 1987. *Looking Up*: 1-40.
- Sinclair, J. 1991. *Corpus, Concordance, Collocation*. Oxford: Oxford University Press.
- Sinclair, J. (ed.) 1987. *Looking Up*. London: Collins.
- Sistem Pangkalan Data Korpus Versi 1.2.1* 1994 (Tidak Diterbitkan). Jabatan Bahasa Kuala Lumpur: DBP.

Summers, D. 1993. 'Longman/Lancaster English Language Corpus – Criteria and Design', dalam *International Journal of Lexicography* **6** (3): 181-208.

T. Iskandar 1970. *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Usman Awang, 1958. 'Perempuan Malang', dalam *Salam Benua Greetings to the Continent*, 1982, hlm 14. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Lampiran I

Atribut teks yang dimasukkan ke dalam pangkalan data korpus

Bil.	Nama Atribut	Saiz Medan	Kekangan
1.	KOD BAHAN	10	-
2.	NAMA FAIL	20	-
3.	JUDUL	160	-
4.	PENGARANG	120	-
5.	PENTERJEMAH	120	-
6.	PENYUSUN	120	-
7.	TARIKH TERBIT	25	-
8.	BIDANG	40	GEOGRAFI SAINS SAINS SOSIAL SUKAN UMUM ...
9.	SUBBIDANG	40	PERTANIAN PENDIDIKAN PENGURUSAN RENCANA PENGARANG SAINS POLITIK SURAT PEMBACA ...
10.	PERINGKAT	40	UMUM DEWASA PENGAJIAN TINGGI ...
11.	STATUS KARYA	20	ASLI TERJEMAHAN UBAHSUAIAN
12.	SUMBER	40	-
13.	PENERBIT	40	DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA UTUSAN MELAYU (M) BHD. ...

Lampiran II

A. Sampel Baris Konkordans **perempuan**: Isih Kiri

317	depan di mana Lim Swee anak	perempuan Ah Kua yang berumur 18 tahu	K00008
135	iNya, seperti malaikat anak	perempuan Allah, Allah mempunyai anak	B52003
85	ngan kejayaan Rondong, anak	perempuan tunggal yang bagi masyarakat	B28006
93	eka telah mengorbankan anak	perempuan tunggalnya bernama	B28006
	Huminodo		
169	reka peroleh dua orang anak	perempuan yang lebih hitam kulitnya d	DS0791
116	ia daripada laki-laki atau	perempuan padahal ia beriman dengan y	B52001
121	n sekarang baik lelaki atau	perempuan selalu lari daripada mereka	B52001
157	seperti watak ibu tiri atau	perempuan sihir. Kemudian ada \$\$ 124	K00020
102	nisbah di antara lelaki dan	perempuan ialah 106:100 dan ianya tel	B46002
75	lu ghairah dengan abang dan	perempuan Inggeris itu. \$\$ 33	B28006
131	ng yang beriman, lelaki dan	perempuan sebahagian mereka (adalah)	B52002
104	negara di antara lelaki dan	perempuan telah mengakibatkan perubahan	B46002
599	rang kanak-kanak lelaki dan	perempuan untuk penggambaran filem	B38002
719	i lebih ramai daripada kaum	perempuan dan kekerapan menonton hany	DM0691
111	aki. Kadar penyertaan kaum	perempuan dijangka akan meningkat kep	B46002
146	g atau dilahirkan oleh kaum	perempuan melainkan dengan pengetahua	B52003
109	bih tinggi di kalangan kaum	perempuan memberi kesan terhadap pert	B46002
107	penyertaan di kalangan kaum	perempuan mula menunjukkan suatu peni	B46002
108	kan. Kadar penyertaan kaum	perempuan telah meningkat dari 40.5%	B46002
106	n kaum lelaki melebihi kaum	perempuan , namun demikian kadar penye	B46002
101	a kaum lelaki melebihi kaum	perempuan , walau bagaimanapun, nisbah	B46002
112	nderung berpindah dari kaum	perempuan . Sementara itu lebih dari s	B46002
269	dak dipandang serong kerana	perempuan boleh memutarbelitkan kata-	B26007
682	jar bakal pengantin lelaki	perempuan tentang segala sesuatu yan	DB0891
328	lai, bertepuk tampar lelaki	perempuan , hisap rokok da	K00008

B. Sampel Baris Konkordans **perempuan**: Isih Kanan

133	ke atas pencuri lelaki dan	perempuan . Hukuman hudud, qisas	B52002
463	lelaki mahu pun penumpang	perempuan , ia-lah yang berumur dua pu	B01004
205	daripada perempuan Iban.	Perempuan Iban menutup bahagian pingg	B26007
212	menghias diri. Dengan	perempuan Iban yang betul berlaki, at	B26007
73	sai dilakukan, Gumbiron dan	perempuan Inggeris itu mara ke depan	B28006
74	udingai memberitahu Kelly.	Perempuan Inggeris itu mengganggu- an	B28006
78	an. Mereka asyik memandang	perempuan Inggeris yang berbaju T dan	B28006
81	anahair. Resah juga kerana	perempuan Inggeris yang dibawa Gumbir	B28006
331	di you?" Da pun	perempuan jenis garang juga. Cakap ti	K00008
315	otong cakap abangnya. Kalau	perempuan jenis itu baik,	K00008
260	ri dan bagi Halim tidak ada	perempuan lain dalam dunianya	B26007
610	an sebagai isteri. Mungkin	perempuan lain juga boleh memberi keb	K00036
429	u aku di Singapura.... Ada	perempuan lain ketika kemalangan	B26001
605	, Yuk mungkin ingin mencari	perempuan lain untuk dijadikan isteri	K00036

652	kahwin lagi. Cari	perempuan lain, habis perkara.”	B48002
601	k lagi, kalau asyik bincang	perempuan mana yang manis dan tak man	K00036
36	apa fikiranku berkecamuk.	Perempuan mana yang tidak cemburu, l	B28004
167	kan herdikan Klucharev, dan	perempuan muda itu mengajak Klucharev	DS0791
400	n ni sakit apa?” pertanyaan	perempuan muda itu mengembalikan	B26001
20	erdesak. Tergamam seketika	perempuan tua itu. Terasa olehnya se	B28004
575	tutup dekat kepala. Seorang	perempuan tua kelihatan sedang menabu	B38002
396	“Izan namanya...” Si	perempuan tua membetulkan cakap anakan	B26001
398	Dia cuma mengangguk.	Perempuan tua menelan keluhnya.	B26001
630	Duduk dekat-dekat. Lelaki,	perempuan , tua muda dan kanak-kanak,	B28005
288	ukaku. “Lim, ayuh ke rumah	perempuan tua tu. Kita ajar apa yang	B26007
395	kut baka ayahnya...” sambut	perempuan tua yang bersandar di kepal	B26001
42	ipada jauh. Perlahan-lahan	perempuan yang berpayung itu mendeka	B28004

Lampiran III

A. Sampel Baris Konkordans **wanita**: Isih Kiri

45	uk khusus mengenai harta dan	wanita sebagai panduan untuk mengek	B52003
301	g ketat di antara lelaki dan	wanita serta tugas wanita hanya unt	DM0591
277	an waras. Anak-anak dara dan	wanita tidak tidak tercemar maruah masing	DS0993
255	smian Persidangan Pemuda dan	Wanita UMNO kelmarin telah juga	UM1092
296	awatan sebagai Ketua Jabatan	Wanita PKMM pusat itu. Berbagai-bag	DM0591
297	awatan sebagai Ketua Jabatan	Wanita Pusat itu”. Sumber yang	DM0591
294	etahui tentang Ketua Jabatan	Wanita Pusat sudah tidak ada lagi (DM0591
39	ahawa ada Nabi dari kalangan	wanita sukar untuk diterima. Oleh	B52002
33	sungguhpun ada dari kalangan	wanita yang menerima wahyu seperti	B52002
31	menafikan ada dari kalangan	wanita yang menjadi Nabi. Ibn	B52002
220	cara-cara setengah kalangan	wanita yang tidak rela melihat suam	K00036
34	a yang terdiri dari kalangan	wanita . Antara alasan dan hujah be	B52002
54	barangan kulit serta kasut	wanita yang paling diminati di nega	BE0794
303	aki, beliau menyedarkan kaum	wanita dan lelaki tentang hak-hak d	DM0591
216	anyak mendengar masalah kaum	wanita di kota besar. Athiah menga	K00036
51	ng untuk kesuaian pakaian	wanita timur. JENIS PERKHIDMATAN KE	BE0694
50	ang sesuai dengan pakaian	wanita Asia termasuk baju kurun	BE0694
234	ja kecil. Kelihatan seorang	wanita umur dua puluh sedang tidur	B38003
224	nya sebagai penoreh. Seorang	wanita yang bertimbang rasa dan sim	B38001
125	membuka payungnya. Seorang	wanita yang berumur dalam	B48025
221	k dan nampak sebagai seorang	wanita yang boleh dipercayai. Tetap	K00036
222	pi Mid menjadikannya seorang	wanita yang dikecamukan oleh kekalu	B38001
226	s PERTAMA/LUAR/SIANG Seorang	wanita yang kelihatan subur dan mew	B38001
103	on. Terdengar suara seorang	wanita yang lemah lembut padanya.	B26007
215	? Di mana harga diri seorang	wanita yang mencolek kanak-kanak it	K00036

B. Sampel Baris Konkordans **wanita**: Isih Kanan

172	Kebanyakan yang tua,	wanita dan kanak2 sahaja yang di-be	B01001
244	membabitkan seorang pelakon	wanita dan kemudian penyanyi rock	Bh1092
303	aki, beliau menyedarkan kaum	wanita dan lelaki tentang hak-hak d	DM0591
71	k! tik!” itu berterusan, dan	wanita itu tidak pernah melahirkann	DS0791
65	aki tadi tidak memeranjatkan	wanita itu, yang ditakutinya ialah	DS0791
87	kita meneruskan tradisi	wanita ; kahwin dan dapat anak, baha	B26007
188	luar berbinchang sa-sama kaum	wanita kalau hari minggu, atau berb	B01004
306	semangat dan menyedarkan	wanita-wanita kampung tentang keperluan	DM0591
307	semangat dan menyedarkan	wanita-wanita kampung tentang keperluan	DM0591
243	bagi lelaki dewasa dan bagi	wanita , kurang 80 gm. Akan tetapi	DB0891
13	ta harus serang dulu?” tanya	wanita Kwijau yang begitu bersemang	B28006
6	parkan pandangan ke arah dua	wanita Kwijau yang menghampirinya.	B28006
294	etahui tentang Ketua Jabatan	Wanita Pusat sudah tidak ada lagi (DM0591
9	“Tolong!!!!” sembah seorang	wanita Rungus yang diheret keluar d	B28006
62	an yang berkisar dalam dunia	wanita sahaja. Walaupun hal begini	K00020
218	enjadi penawar duka. Seorang	wanita seperti Athi, sememangnya me	K00036
53	akkan lagi produk aksesori	wanitanya seperti beg tangan, beg b	BE0794
277	an waras. Anak-anak dara dan	wanita tidak tercemar maruah masing	DS0993
133	mbira kerana melihat seorang	wanita yang agak cantik. Fikirnya	B48028
27	upakan 7.9% saja dari jumlah	wanita yang bekerja dan hampir kese	B46002
313	dia mengesyorkan supaya kaum	wanita yang bekerja sawah atau meno	DM0591
44	menyelesaikan kes dua orang	wanita yang berebut seorang anak.	B52002
210	di khalayak wanita. Inilah	wanita yang berhemah tinggi dan ber	K00036
64	wa ke rumah saya oleh posmen	wanita yang berjalan kaki dengan me	DS0791
198	agai pemain gitar	wanita yang berkebolehan, setanding	B09001

Lampiran IV

A. Sampel Baris konkordans **Lelaki/Laki-Laki/Laki**: Isih Kiri

165	Mereka itu mengadakan anak	lelaki dan anak perempuan bagi A11	B52003
168	iNya; atau dijadikanNya anak	lelaki dan perempuan dan dijadikanN	B52003
213	upakanlah semangat jihad anak	lelaki ini. Darah mujahid	B26007
574	gan lima orang anak	lelaki julong remaja. Mereka berebu	B01004
400	tar dan jelas kepadaku, anak	lelaki juragan Ibrahim mulai merasa	B26007
111	tahun 1957 nisbah di antara	lelaki dan perempuan ialah 106:100	B46002
113	ah penduduk negara di antara	lelaki dan perempuan telah mengakib	B46002
112	liran ke arah taburan antara	lelaki dan perempuan yang lebih sei	B46002
110	pula menunjukkan bahawa kaum	lelaki melebihi kaum perempuan, wal	B46002
102	Selang beberapa minit, kaum	lelaki menyertai Bobohizan dan kump	B28006
777	t di kalangan penduduk kaum	lelaki negeri Thai tahun lalu, adal	DB0891
779	n hubungan seks dengan kaum	lelaki sebanyak purata enam kali da	DB0891

163	bi atau Rasul adalah manusia lelaki yang dipilih, dilantik, dibe	B52002
147	lah terdiri daripada manusia lelaki yang menerima risalah Allah	B62002
193	Masitah terus `dijajah' oleh lelaki itu), tetapi melahirkan Jali	DS0791
206	telanjang yang diusung oleh lelaki yang bernama `pela	B26007
589	ta' dapat di-gunakan oleh lelaki ". Anwar bercheloteh terus.	B01004
178	erang jalan sepi tiga orang laki-laki yang sedang merogol seorang	DS0791
179	erang jalan sepi tiga orang laki-laki yang sedang merogol seorang	DS0791
852	ersebut. Rombongan pengantin lelaki menumpang di rumah Shamsuddi	DM0591
646	berapa buah perahu pengantin lelaki menyeberangi Sungai Sarawak	DM0591
776	uk mengajar bakal pengantin lelaki perempuan tentang segala ses	DB0891
692	miskin dahulu. Tapi seorang lelaki yang sombong, bongkak dan te	B28005
184	anak hasil perogolan seorang lelaki yang tidak bertanggungjawab,	DS0791
674	i. Walaupun Fakhru seorang lelaki , namun nampaknya hati Fakhru	K00036
563	"Nah, itu dia", suara lelaki kedengaran tiba2 dan mendada	B01004
71	i sini, Robert!" suatu suara lelaki yang serak memanggilnya.	B28004

B. Sampel Baris konkordans **Lelaki/Laki-Laki/Laki**: Isih Kanan

122	g baik sama ada ia daripada laki-laki atau perempuan padahal ia b	B52001
123	g baik sama ada ia daripada laki-laki atau perempuan padahal ia b	B52001
844	nding bahu bersama-sama kaum lelaki , beliau menyedarkan kaum wan	DM0591
157	an orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan sebahagian mer	B52002
113	ah penduduk negara di antara lelaki dan perempuan telah mengakib	B46002
172	jadikan kamu berjodoh-jodoh (lelaki dan perempuan). Kami jadika	B52004
37	ersebut dipenuhi suara orang lelaki dan perempuan, berbaur dan b	B28004
169	ikan manusia dari dua jenis, lelaki dan perempuan, dari titisan	B52003
566	yang alamiyah antara lelaki dan perempuan, dua jenis man	B01004
161	dang perekonomian, pergaulan lelaki dan perempuan, pemakanan, da	B52002
713	. Dah cukup seksa aku hidup berlaki . Dulu, Atan. Aku ni macam	B38001
130	Ertinya: Bahawa sesungguhnya lelaki dunia dan anak tunggal dunia	B52001
693	pkah itu. apatah lagi adik lelakinya Esoi, Gana dan Sunta, adik	B28005
719	- perempuan. Lakinya balik, lakinya fikir entah apa fasal apa, e	B38001
271	penantian begitu lama, kalau lelaki , hah, Halim mengeluh sendiri	B26007
294	penantian begitu lama, kalau lelaki , hah, Halim mengeluh sendiri	B26007
139	lah terdiri daripada manusia lelaki . Hakikat ini dan hakikat bah	B52002
3	Suara maki – hamunnya kepada lelaki itu bagaikan cakar kucing ya	B28004
63	di depan matanya. Sungguh lelaki itu begitu kacak dan baik ha	B28004
678	anya. Selepas Rini mengikut lelaki lain, dia kembali rindukan H	K00036
202	kahan bekas isterinya dengan lelaki lain, yang kemudian mencera	JD0792
602	Tinah ada harapan dengan lelaki lain, yang sudah di-pikat-ny	B01004
110	pula menunjukkan bahawa kaum lelaki melebihi kaum perempuan, wal	B46002
25	kan aku, fikirnya. Dia tahu lelaki tersebut hanya mengujinya sa	B28004
12	dengan bacaan "Bismillah", lelaki tersebut terus terjun dan be	B28004
36	ya. Dia diam tafakur. Wajah lelaki Tionghua itu terus mengisi d	B28004
830	uara itu. Suara Mahir, adik lelakinya yang bongsu. Apa Mahir hend	DS0993
664	isiknya. Memang Yuk seorang lelaki yang cerewet memilih isteri.	K00036